



RISALAH

UNIT PENERANGAN

Disediakan oleh: Unit Penerangan, Lajnah Dakwah dan Tarbiah, Keluarga Pelajar-pelajar Kelantan Mesir 2019/2020

Helaian Makalah Seputar Ideologi Komunisme

Serapan ideologi asing telah lama memasuki ruang-ruang pemikiran masyarakat Islam dan penularannya telah berlaku secara halus menjarum tanpa disedari masyarakat Islam. Dalam sedar mahupun tidak, masyarakat Islam semakin memalingkan diri kearah menerima ideologi asing seperti ideologi komunisme. Jika ideologi ini tidak dibanteras dan disekat penyebarannya, ianya mampu menjejaskan dan merosakkan akidah umat Islam.

Sejarah Ringkas Komunisme

Komunisme adalah fahaman yang berkaitan dengan ekonomi, politik dan kemasyarakatan. Ia berdasarkan kebendaan semata-mata dan terbentuk hasil daripada tindak balas fahaman Kapitalisme.

Ideologi ini dicetus dari seorang Yahudi Jerman, Karl Marks melalui Manifesto Komunisme dinamakan *Manifest der Kommunistischen* yang ditulisnya dan *Friedrich Engels*, sebuah manifesto politik yang pertama diterbitkan pada 21 Februari 1848 dan tulisannya melalui bukunya yang bernama *Das Kapital* pada tahun 1867. Karl Marks dibantu pembantunya bernama Inakal. Kemudian legasi fahaman ini diteruskan Lenin dalam memimpin revolusi komunis di Rusia yang mana menubuhkan sebuah kerajaan yang menjadikan fahaman ini sebagai batu asas pemerintahan selepas menjatuhkan kerajaan Romarov Czar Nicholas dalam pemberontakan Bolshevik 17 Oktober 1911.

Seterusnya, fahaman ini diteruskan oleh seorang pemerintah diktator Joseph Stalin yang menjadi pemimpin selepas Lenin. Puluhan ribu rakyat Soviet Union yang membantah komunisme mati dan ada juga dihantar ke kem tahanan di Siberia, dikerah bekerja sebagai buruh industri perlombongan dan pembinaan. Antara pemimpinnya ialah Terutaski seorang Yahudi Rusia yang mana berpecah daripada Stalin kerana berselisih pendapat. Adapun di negara China, fahaman komunis ini dipimpin oleh Mau Zi Thong.

Dasar-Dasar dan Pegangan Komunisme

Antara dasar-dasar yang menjadi pegangan dan kepercayaan komunisme adalah:

1. Tidak mempercayai kewujudan Tuhan dan perkara-perkara ghaib seperti malaikat, jin, dosa dan pahala, syurga dan neraka, dan sebagainya. Mereka menjadikan logik akal dan kebenaran semata-mata sebagai pegangan kepercayaan. Walaupun pengikut fahaman ini mempunyai

kefahaman mengikut keadaan setempat, konsep ini tetap menjadi asas fahaman. Oleh itu, Komunisme menentang keras semua fahaman agama.

2. Menentang pemilikan harta secara pemilikan perseorangan dalam sistem ekonomi. Berbanding Kapitalisme iaitu suatu sistem ekonomi, dimana setiap individu bebas mempunyai hak pemilikan perseorangan dan faktor-faktor produksi seperti modal, aset dan lain-lain. Melalui pemilikan peribadi tersebut menjadikan individu bebas untuk memiliki dan menghasilkan keuntungan dengan semahu mungkin. Namun dalam rangka komunis, seorang pemilik tidak dibenarkan memiliki harta yang melebihi daripada harta orang lain. Sebagai contoh, tiada mana-mana syarikat besar dimiliki seorang individu. Apabila harta seseorang itu banyak, harta itu langsung menjadi harta kerajaan dan harta awam.
3. Menghapuskan perbezaan taraf dalam masyarakat. Contohnya, hilangnya taraf antara majikan dan pekerja. Fahaman ini mampu meluas melalui kuasa politik walaupun dengan menggunakan method radikal iaitu menggunakan senjata supaya pemerintahan negara dikuasai oleh masyarakat buruh.
4. Mencorak pemikiran marhaen (rakyat) supaya mengabdikan diri kepada negara mereka semata-mata. Mereka ini jauh dari cara hidup beragama dengan beribadah kepada Tuhan kerana negara dan kebendaan, ini kerana negara dan materi (kebendaan) dianggap tuhan yang disanjung dan dipuja.
5. Berpegang dengan tidak wujudnya hari kebangkitan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan keagamaan dan perkara-perkara ghaib. Fahaman ini menyekat penganutnya untuk menganut mana-mana agama kerana melaksanakan perintah agama adalah gambaran kepada manusia yang ketagihan dan kecanduan dadah, dan juga mampu menyekat manusia dari mencapai tujuan materi (kebendaan) yang sempurna.

Islam Menjawab Komunisme:

1. Komunisme adalah sebuah fahaman rekaan yang bercanggah dengan akidah Islam kerana mengingkari kewujudan Allah, perkara-perkara ghaib dan hari kiamat.

Firman Allah Taala yang bermaksud: "Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam. Tidaklah berselisih orang-orang yang telah diberi al-Kitab, kecuali setelah mereka memperoleh ilmu, karena kedengkian di antara mereka. Barangsiapa yang ingkar terhadap ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah sangat cepat perhitungannya." [Ali 'Imran: 19]

2. Bercanggah dengan fitrah manusiawi yang memerlukan kepada keselesaan dalam memenuhi keinginan diri dan hidup bermasyarakat dengan cara yang tepat. Semua ini perlu ditimbang dengan adil mengikut kemampuan diri dan keadilan.
3. Sebuah fahaman yang tidak berperikemanusiaan. Mereka yang berada di tampuk pemerintahan menjadikan rakyat sebagai kilang seterusnya merampas hak rakyat tanpa sedar dengan berselindung dibalik semangat kenegaraan dan semangat patriotik rakyat.

4. Mempunyai banyak kelemahan yang terbuka. Ia dicipta oleh manusia yang lemah dan mempunyai sifat dendam kepada manusia yang berterusan tanpa henti, lalu menindas dengan cara yang zalim.

Firman Allah Taala, maksudnya: “Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.”

(QS. Ali Imran: 85; Tafsir Ibnu Katsir: 97)

Muhammad 'Ammar bin Zamzuri,
Kuliah Usuluddin,
Universiti Al-Azhar.

Rujukan:

1. Ideologi Fahaman Umat Islam
Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang
2. Komunisme musuh sepanjang sejarah
Abdul Qadir Djaelani